

OUCH!

Surat Berita Bulanan berkenaan Kesedaran Keselamatan Untuk Pengguna Komputer

Ada Salinan Sandar?

Gambaran Keseluruhan

Jika anda menggunakan komputer atau peranti mudah alih secara berterusan, lambat-laun sesuatu yang tidak patut bakal berlaku. Anda mungkin terpadam fail yang salah secara tidak sengaja, mengalami kegagalan perkakasan, atau kehilangan peranti. Lebih teruk lagi sekiranya perisian hasad terpasang seperti perisian tebus mungkin memadam fail anda dan/atau menjadikan fail anda sebagai tebusan. Pada saat itu, salinan sandar adalah satu-satunya cara untuk anda bina semula kehidupan digital anda.

Apa, Bila dan Bagaimana

Salinan sandar merupakan salinan-salinan maklumat yang disimpan di tempat lain selain komputer atau peranti mudah alih anda. Apabila anda kehilangan data berharga, anda boleh mendapatkan semula data anda daripada salinan sandar. Langkah pertama ialah dengan menetapkan data yang perlu ada salinan sandar, (1) data yang penting bagi anda; atau (2) segalanya, termasuk keseluruhan sistem operasi. Kebanyakan penyelesaian salinan sandar dikonfigurasi secara tetap dengan menggunakan cara pertama, iaitu membuat salinan sandar untuk folder yang biasa digunakan. Jika anda tidak pasti data yang hendak dibuat salinan sandar atau untuk lebih berhati-hati, buat salinan sandar untuk semua data anda.

Kedua, tetapkan kekerapan untuk membuat salinan sandar. Program salinan sandar siap bina dalam seperti Time Machine dari Apple atau Windows Backup and Restore membolehkan anda menetapkan jadual "set dan lupakan" secara automatik. Kebiasaannya, pilihan untuk membuat salinan sandar dilakukan mengikut jam, harian, mingguan atau lain-lain. Penyelesaian lain turut menawarkan "perlindungan berterusan" yang akan membuat salinan sandar bagi fail baru atau fail yang diubah seurus selepas menyimpan dokumen. Sekurang-kurangnya, kami mengesyorkan untuk membuat salinan sandar setiap hari secara automatik untuk fail penting.

Akhir sekali, tetapkan bagaimana anda akan membuat salinan sandar. Terdapat dua cara: secara setempat atau menggunakan penyimpanan awan. Salinan sandar setempat menggunakan peranti yang boleh dikawal seperti pemacu USB luaran atau peranti rangkaian menggunakan Wi-Fi. Kelebihan salinan sandar setempat ialah membolehkan anda untuk membuat salinan sandar dan mendapatkan semula data yang banyak dengan segera. Kelemahan salinan sandar setempat ialah jika dijangkiti perisian hasad seperti perisian tebusan, jangkitan tersebut berkemungkinan merebak kepada salinan sandar anda. Malah jika berlaku sebarang bencana seperti kebakaran atau kecurian, perkara ini akan membuatkan anda kehilangan komputer dan juga salinan sandar anda. Justeru, jika anda menggunakan peranti luaran untuk salinan sandar, simpan salinan tersebut di lokasi luar tapak yang selamat dan pastikan salinan sandar anda dilabelkan dengan betul.

Penyelesaian awan adalah perkhidmatan dalam talian yang menyimpan fail anda dalam Internet. Secara lazimnya, apabila anda memasang aplikasi di dalam komputer, aplikasi tersebut akan membuat salinan sandar fail secara automatik sama ada secara berjadual atau apabila anda membuat sebarang perubahan. Kelebihan penyelesaian awan ialah kemudahan yang diberikan, di mana salinan sandar selalunya automatik dan anda boleh mendapatkan capaian untuk fail anda di mana sahaja. Malahan,

kerana data tersebut berada di awan, bencana seperti kebakaran dan kecurian tidak akan memberi kesan kepada salinan sandar anda. Akhir sekali, salinan sandar awan boleh membantu anda pulih daripada jangkitan perisian hasad seperti perisian tebusan. Kelemahan bagi salinan sandar awan ialah kemampuan untuk membuat salinan sandar dan pengembalian data bergantung kepada berapa banyak data yang telah dibuat salinan sandar dan kelajuan rangkaian anda. Bagaimana jika anda tidak pasti untuk menggunakan sama ada salinan sandar setempat atau salinan sandar awan? Untuk lebih beringat gunakan sahaja kedua-duanya.

Kebanyakan peranti mudah alih menyimpan data anda di awan. Namun, konfigurasi bagi aplikasi mudah alih, gambar-gambar terbaru dan keutamaan sistem anda mungkin tidak. Dengan membuat salinan sandar untuk peranti mudah alih anda, anda bukan sahaja memelihara maklumat ini, malah memudahkan anda untuk memindahkan data apabila anda membuat peningkatan kepada peranti baru.

Nota Penting



- Tidak cukup hanya dengan membuat salinan sandar, anda perlu memastikan anda boleh mendapatkan semula data anda. Buat ujian berkala untuk memastikan salinan sandar anda berfungsi dengan mendapatkan dan membuka fail.
- Jika anda membina semula sistem daripada salinan sandar, pastikan anda menggunakan semula tampalan keselamatan dan kemaskini terbaru sebelum menggunakan sistem tersebut.
- Jika anda menggunakan penyelesaian awan, pilih satu penyelesaian yang mudah untuk anda gunakan dan selidik pilihan keselamatan. Sebagai contoh, adakah pilihan tersebut menyokong pengesahan dua-langkah untuk menjamin akaun dalam talian anda.

Salinan sandar merupakan cara yang mudah dan berkos rendah untuk melindungi kehidupan digital anda.

Penterjemahan oleh SNSC.

Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM (SKMM Network Security Centre- SNSC) beroperasi di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan matlamat menjamin keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian di Malaysia. Laman Web: <http://snsc.skmm.gov.my/>.

Editor Jemputan

Matt Bromiley ialah seorang pakar keselamatan siber dan penggerak balas insiden yang pernah berkhidmat dengan pelbagai jenis organisasi. Beliau juga merupakan tenaga pengajar di SANS, yang mengajar kelas lanjutan hos dan tindak balas insiden dalam rangkaian dan memburu ancaman, kod FOR508 dan FOR572. Anda boleh menghubungi beliau di Twitter [@mbromileyDFIR](https://twitter.com/mbromileyDFIR).



Sumber

- Memudahkan Kata Laluan: <https://www.sans.org/u/TqR>
Hentikan Perisian Hasad: <https://www.sans.org/u/TqW>
Mencipta Kediaman Selamat Siber: <https://www.sans.org/u/Tr1>

OUCH! diterbitkan oleh program SANS Security Awareness dan diedarkan di bawah lesen [Creative Commons BY-NC-ND 4.0 license](https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/). Kebenaran diberikan untuk mengedarkan surat berita ini atau menggunakannya dalam mana mana program kesedaran selagi tiada perubahan dibuat kepada kandungan asal. Untuk edisi lepas atau versi diterjemahkan, lawati www.sans.org/security-awareness/ouch-newsletter. Editor: Walt Scrivens, Phil Hoffman, Alan Waggoner, Cheryl Conley | Translated by: Muhamad Hashimi, Rahayu Aziz, and Sheikh Ahmad Raffie